

PERBICARAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU): ANALISIS PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH MALAYSIA

Muhammad Ariffin Surdi Roslanⁱ, Hasnizam Hashimⁱⁱ, Azman Ab Rahmanⁱⁱⁱ

ⁱ Calon Ijazah Sarjana, Universiti Sains Islam Malaysia. ariffin46@gmail.com

ⁱⁱ (Penulis Koresponden) Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia.
hasnizam@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Professor, Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

Abstrak

Keadilan yang hendak dicapai melalui undang-undang jenayah bergantung kepada pelaksanaan undang-undang tatacara jenayah yang baik. Syariat Islam sudah menggariskan prinsip-prinsip umum yang menjadi rujukan kepada institusi kehakiman Islam untuk menguruskan kes jenayah dengan tatacara yang telah dikembangkan oleh para fuqaha mengikut kesesuaian masa, tempat dan keperluan. Maka, timbul persoalan tentang bagaimana Syariat Islam menyantuni golongan OKU dalam aspek tatacara jenayah dan kehakiman Islam kerana Syariat Islam turut terpakai ke atas mereka yang beragama Islam. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang analisis peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia berkaitan perbicaraan golongan OKU serta tataranya. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan analisis teks. Kajian ini mendapati beberapa peruntukan penting dalam Undang-undang Jenayah Syariah yang menjelaskan tentang tatacara pengendalian perbicaraan bagi kes jenayah Syariah melibatkan OKU, di samping perbincangan isu-isu fekah dan perundangan yang timbul. Diharapkan kajian ini boleh menjadi panduan bagi pihak berautoriti dalam membuat kajian-kajian yang mendatang mengenai tatacara perbicaraan OKU dalam konteks Undang-undang Syariah Malaysia.

Kata kunci: Perbicaraan, mahkamah syariah, orang kurang upaya, undang-undang jenayah syariah

PENDAHULUAN

Perbicaraan jenayah Syariah ialah pemeriksaan penghakiman yang formal terhadap bukti-bukti yang dikemukakan di hadapan mahkamah dan penentuan bagi sebuah kes pendakwaan. Perbicaraan jenayah adalah antara proses penting dalam sesebuah pendakwaan jenayah kerana mahkamah akan membuat satu keputusan bagi kes pendakwaan dan orang yang tertuduh. Termaktub dalam perlembagaan bahawa setiap anggota masyarakat adalah sama-rata di hadapan undang-undang. Mahkamah pula bersifat bebas dan tidak menyebelahi mana-mana pihak, dan kedua-dua belah pihak berpeluang untuk mengemukakan hujah dan

menimbulkan syak dan mempertikai hujah. Perbicaraan akan diakhiri dengan pembebasan orang kena tuduh atau dijatuhkan hukuman ke atasnya mengikut bidangkuasa mahkamah yang mendengar kes tersebut. Kesemua proses ini adalah tersusun dalam Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah sebagai jaminan pemeliharaan nilai keadilan dan atas sebab kerumitan proses tersebut, ianya berada bawah naungan sebuah sistem keadilan. (Siti Zubaidah Ismail, 2016; Shamrahayu A Aziz, 2011)

Perbicaraan atau 'Al-Muhakamah' menurut fekah Islam mempunyai 'Ta'sil' yang tersendiri. Perbicaraan dalam fekah Islam tidak dikira selari sepenuhnya dengan model perbicaraan *inquisitorial* dan tidak juga boleh dikatakan sama sepenuhnya dengan model perbicaraan *adversarial*. Kedudukan perbicaraan yang telah dikembangkan oleh ulama fekah boleh dikatakan berada antara dua mod perbicaraan tersebut dengan beberapa persamaan dan perbezaan (Sayed Sikandar Shah Haneef, Mohd Abbad Abdul Razak, & Hayatullah Laluddin, 2019). Syariat Islam menggariskan beberapa prinsip umum untuk diikuti oleh para hakim ketika menjalankan proses perbicaraan, sama ada berkaitan kes jenayah ataupun tidak. Nabi S.A.W menjelaskan dalam hadith-hadith Baginda tentang tugas-tugas seorang hakim melaksanakan perbicaraan, perkara yang disoal, penentuan pihak-pihak yang bertikai, hak pihak-pihak yang perlu dijaga dan banyak perkara lagi berkaitan tatacara perbicaraan. Meskipun begitu, para ulama fekah telah menyimpulkan bahawa hadith-hadith tersebut bersifat umum dan hukum-hakam berkaitan tatacara termasuk dalam perkara ijtihad yang perlu sentiasa dikembangkan mengikut perkembangan pengetahuan dan realiti semasa (Az-Zuhaili, 2015). Oleh itu, perbahasan perbicaraan menurut perspektif Islam dan aplikasi perbicaraan dalam konteks zaman moden ini merupakan satu perbahasan yang bersambungan, perkembangannya seiring dengan peredaran zaman. Kajian sebegini ini boleh menyumbang kepada pengetahuan sedia ada atas sebab memberi hala tuju yang baharu bagi perundangan Syariah, khususnya di Malaysia.

Isu orang kurang upaya (OKU) dan Mahkamah Syariah di Malaysia semakin mendapat perhatian. Dalam satu kenyataan (Mohamad Fazrul Abdul Majid, 2019), YAA Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka, YAA Datuk Mohd Nadzri Bin Abdul Rahman mengatakan bahawa pihak Mahkamah Syariah Negeri Melaka sedang membangunkan satu projek yang memproses bahasa-bahasa yang akan digunakan khas untuk kes yang membabitkan OKU. Langkah tersebut diambil sebagai usaha Mahkamah Syariah Negeri Melaka menyantuni OKU kerana menurut beliau, walaupun Mahkamah Syariah tidak menyimpan rekod berkaitan OKU, akan tetapi, sebenarnya wujud kes-kes OKU di Mahkamah Syariah. Berdasarkan Laporan

Statistik 2017 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia pula, jumlah pendaftaran OKU adalah seramai 453,258 orang di seluruh Malaysia. Jumlah OKU Melayu beragama Islam pula adalah seramai 274,764 orang (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017) dan mereka termasuk bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah berdasarkan apa yang diperuntukkan dalam dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan daripada Perlembagaan Persekutuan tanpa terkecuali. Justeru, Mahkamah Syariah semestinya mempunyai kemampuan untuk menguruskan kes-kes yang melibatkan OKU sekiranya berlaku kelak.

Justeru, objektif artikel ini adalah untuk menganalisis peruntukan Undang- undang Jenayah Syariah Malaysia melibatkan perbicaraan OKU di Mahkamah Syariah. Kajian ini juga mengenal pasti isu-isu perundangan yang timbul hasil analisis peruntukan undang-undang di bahagian perbincangan agar proses perbicaraan membabitkan OKU dapat difahami dengan lebih tepat dalam konteks perundangan Syariah. Skop kajian ini menfokus kepada OKU bawah kategori pendengaran, penglihatan dan pertuturan sebagai langkah pemula ke arah membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk memperoleh data kajian. Data kajian dikumpulkan dengan merujuk kepada dokumen rasmi seperti Perlembagaan Persekutuan, peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia perihal proses perbicaraan khususnya Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1997, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 di samping akta/enakmen lain yang berkaitan seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008. Dokumen rasmi lain termasuklah arahan-arahan amalan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Rujukan juga dibuat terhadap kitab-kitab fekah, buku-buku perundangan, artikel- artikel dalam jurnal penyelidikan dan akhbar-akhbar berhubung tajuk kajian.

Seterusnya, data-data kajian dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Pengkaji telah melakukan analisis data secara deduktif dan induktif, dengan bergantung kepada cara yang pertama untuk mengeluarkan perincian-perincian secara berfokus daripada sumber dokumen yang ditetapkan. Cara yang kedua pula digunakan dengan mengenal pasti tema-tema persamaan dalam perincian data yang telah diperolehi, kemudian

disatukan mengikut isu-isu dan dibahaskan untuk mencapai kesimpulan yang lebih menyeluruh. (Nuraisyah Chua Abdullah, 2018).

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji membuat analisis terhadap peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah melibatkan perbicaraan OKU, khususnya akta-akta bagi Wilayah Persekutuan kerana sejak 1997, kebanyakan enakmen negeri-negeri telah diselaraskan kandungannya berpandukan akta tersebut.

Peringkat perbicaraan boleh dibahagikan kepada empat proses. Proses pertama ialah sebutan kes iaitu termasuk pertuduhan dan plea. Proses kedua ialah kes pendakwaan dan proses ketiga ialah kes pembelaan. Pemeriksaan saksi dijalankan dalam kedua-dua proses ini. Proses keempat ialah keputusan atau penghakiman. Undang-undang tatacara jenayah Syariah tidak meletakkan perbezaan antara golongan OKU dengan golongan yang bukan OKU. Tidak meletakkan perbezaan bermaksud semua peruntukan dalam undang-undang tatacara jenayah Syariah terpakai ke atas golongan OKU sama seperti anggota masyarakat Islam yang lain. Mereka akan melalui prosedur-prosedur daripada peringkat pra-perbicaraan, perbicaraan dan pasca-perbicaraan apabila mereka terlibat dengan jenayah Syariah, sama ada sebagai orang kena tuduh (OKT), mangsa ataupun saksi. Namun, golongan OKU dengan ketidakupayaan tertentu yang memerlukan bantuan dan kemudahan adalah satu fakta yang diketahui umum.

Oleh yang demikian, pengkaji telah mendapati beberapa peruntukan yang penting bagi kajian ini dengan menilai kepada hubungan peruntukan undang-undang dengan isu OKU, sama ada menerusi istilah nas peruntukan yang tersurat atau makna tersirat di sebalik peruntukan tersebut. Antara peruntukan yang penting adalah seperti berikut:

1. Seksyen 96 - Tatacara dalam perbicaraan

Tatacara yang berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan:

- a. *apabila tertuduh hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dia dituduh melakukannya itu hendaklah dibentuk, dibaca dan dijelaskan kepadanya, dan dia hendaklah ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau meminta dibicarakan;*
- b. *jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan, sama ada atas pertuduhan asal atau yang dipinda, akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu;*

Dengan syarat bahawa sebelum suatu akuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada akumannya itu dan dia berniat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu;

Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan dalam seksyen 96 mengenai tatacara dalam perbicaraan. Seksyen ini menjelaskan keperluan memberi kefahaman kepada OKU yang hadir di mahkamah terhadap pertuduhan yang dibacakan kepadanya serta mampu menyatakan pengakuannya di samping faham akan kesan pengakuan yang dipilih. Hakim juga perlu memastikan kewarasan akal fikiran dan berada dalam keadaan sihat. Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman (2005) menjelaskan bahawa ketika permulaan prosiding perbicaraan bagi kes jenayah syariah, hakim hendaklah memastikan bahawa (i) kandungan pertuduhan itu lengkap menyebutkan peruntukan undang-undang yang tertentu dan menyatakan fakta dengan jelas serta tidak mengelirukan tertuduh, (ii) tertuduh faham pertuduhan ke atasnya dan menyatakan pengakuannya sama ada mengaku salah, tidak mengaku atau minta dibicarakan, dan (iii) hendaklah dipastikan tertuduh berada dalam keadaan sihat dan waras akal fikiran.

Andai hakim mendapati bahawa orang tertuduh mengalami masalah untuk memahami pertuduhan, atau mengesyaki tertuduh mempunyai akal yang kurang atau tidak waras, maka seksyen 180 menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengesahkan keadaan tersebut (lihat kes *Muhd Haslam bin Abdullah v Public Prosecutor* [2019] MLJU 1319 dan kes *Public Prosecutor V Misbah Bin Saat*, [1997] 3 MLJ 495):

1) *Seksyen 180 Akta 560 – Orang Tidak Sempurna Akal*

- (1) *Jika Hakim yang menjalankan suatu siasatan atau perbicaraan mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang tertuduh tak sempurna akal dan dengan demikian tak berupaya membuat pembelaannya, dia hendaklah terlebih dahulu menyiasat hakikat ketaksempurnaan akal itu.*

Dalam konteks golongan OKU kategori pendengaran, penglihatan dan pertuturan, perlakuan mereka dikira sah di sisi hukum syarak dan juga undang-undang Syariah di Malaysia (Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Mohammad Naqib Hamdan, 2015). Hal ini kerana menurut prinsip *ahliyyah* dalam ilmu *Usul Fiqh*, mereka bertanggungjawab penuh atas setiap perlakuan dan jika mereka melakukan suatu perkara yang merupakan kesalahan di sisi undang-

undang, maka mereka layak untuk ditangkap dan didakwa, seterusnya dibicarakan di Mahkamah Syariah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Perkara ini sabit berdasarkan seksyen 50 hingga seksyen 53, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 iaitu bawah bahagian Pengecualian Am. Perbuatan yang tidak dikira sebagai kesalahan terpakai ke atas golongan kanak-kanak yang belum baligh, orang yang tidak sempurna akal, dan perbuatan yang terpaksa oleh sebab ugutan.

2) *Seksyen 115 Akta 560 – Terjemahan keterangan*

- (1) *Bilamana apa-apa keterangan diberikan dalam bahasa atau isyarat yang tidak difahami oleh tertuduh, dan dia hadir sendiri, keterangan itu hendaklah diterjemahkan kepadanya di dalam Mahkamah terbuka dalam bahasa yang difahaminya*

Peruntukan ini meletakkan tanggungjawab Mahkamah untuk menterjemahkan keterangan yang tidak difahami oleh yang tertuduh yang telah diberikan dalam bahasa atau isyarat, kepada bahasa yang difahami oleh tertuduh.

3) *Seksyen 33 Akta 561 – Pendapat Pakar*

- (1) *Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.*
- (2) *Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*
- (3) *Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan*

4) *Seksyen 84 Akta 561 – Saksi Bisu*

- (1) *Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap boleh memberikan bayyinhnya mengikut apa-apa cara yang menjadikannya boleh difahami seperti dengan tulisan atau dengan isyarat.*
- (2) *Bayyinh yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diberikan di dalam Mahkamah terbuka.*

Seksyen ini menjelaskan bahawa golongan OKU kategori pertuturan boleh memberi keterangan di Mahkamah Syariah. Keterangan mereka jatuh dalam martabat bayyinah dan boleh diberikan dalam apa-apa medium komunikasi yang boleh difahami di hadapan hakim sama ada dalam bentuk tulisan atau isyarat.

5) *Seksyen 17 Akta 561 – Iqrar ditakrifkan.*

- (1) *Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.*
- (2) *Sesuatu iqrar hendaklah dibuat -*
 - (a) *di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau*
 - (b) *di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan 'adil.*
- (3) *Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.*

Seksyen ini menunjukkan bahawa pemakaian ikrar, selalunya ketika orang yang tertuduh membuat suatu pengakuan, diterima oleh Mahkamah Syariah dalam bentuk tulisan atau isyarat di samping medium utama iaitu lisan. Istilah yang berhubung dengan OKU dalam seksyen ini ialah isyarat.

6) *Seksyen 104 Akta 560. Hak tertuduh untuk dibela.*

Tiap-tiap orang yang dituduh di hadapan mana-mana Mahkamah adalah berhak untuk dibela oleh Peguam Syarie.

Seksyen ini memperuntukkan bahawa setiap individu yang hadir ke Mahkamah Syariah berhak untuk diwakili oleh seorang peguam Syarie bagi tujuan melancarkan perjalanan proses perundangan, termasuklah OKU. Bagi mewakili mana-mana pihak di Mahkamah Syariah, seseorang peguam syarie itu perlu melalui proses melafazkan wakalah antaranya dengan pelanggan. Lafaz wakalah boleh dilafazkan sama ada di hadapan Hakim atau Pendaftar dan tidak semestinya dalam Mahkamah. Wakalah peguam syarie hendaklah difailkan sebelum sesuatu kes disebut atau dibicarakan. Hukum syarak menetapkan bahawa setiap pihak yang mewakilkan sesuatu urusan hendaklah melafazkan wakalah dan hendaklah pula diterima oleh orang yang menjadi wakil. Peguam syarie hanya boleh menguruskan atas perkara yang diwakilkan itu sahaja. Tujuan dibenarkan wakalah dalam perbicaraan adalah untuk keperluan manusia

sendiri kerana tidak semua orang faham dan mahir mengenai selok-belok perbicaraan. Mungkin terdapat pihak atau pihak-pihak yang akan teraniaya lantaran kelemahan berhujah ketika mengendalikan kesnya di Mahkamah. (Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman, 2004)

Antara persoalan yang berkaitan adalah lafaz wakalah bagi OKU pertuturan dan pendengaran. Syariat Islam membenarkan penggunaan tulisan dalam pelantikan wakil selain lafaz iaitu ijab dan qabul. Ijab dan qabul juga memadai melalui tindakan dan tidak dihadkan melalui lafaz sahaja. Sebabnya ialah pelantikan wakil bererti memberi kebenaran untuk mengurus dengan mengenyahkan segala halangan yang ada. (Azman Ab Rahman, 2017)

7) *Seksyen 230 Akta 560 – Hukum Syarak*

- (1) *Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Akta ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang tak konsisten itu.*
- (2) *Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Akta ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak*
Tafsiran hukum syarak
"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001 telah menetapkan pemakaian pendapat mazhab fekah bagi maksud rujukan hukum syarak adalah melalui pengambilan pendapat mazhab muktabar berdasarkan dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan 'tauliah' kepada Hakim-hakim Syarie. Rujukan maksud 'hukum syarak' dalam undang-undang Syariah negeri-negeri adalah mematuhi arahan amalan tersebut dengan memberi ruang kepada rujukan selain mazhab Shafi'i iaitu mazhab-mazhab lain yang muktabar (Azizah Mohd Rapini, 2017, 38). Amalan pentadbiran di Mahkamah Syariah pula menunjukkan keutamaan rujukan adalah qawl muktabar mazhab Syafie (Ahmad Hidayat Buang, 2007).

Kuasa ijtihad hakim untuk melakukan sesuatu tindakan berasaskan mazhab- mazhab fekah yang empat sekiranya hakim berpendapat tiada peruntukan undang- undang tetapi tidak bertentangan dengan peruntukan yang lain. Hal ini bererti hakim mempunyai kuasa yang agak luas untuk menyantuni golongan OKU yang hadir ke Mahkamah.

8) *Arahan Amalan No.1 Tahun 2001 - Kod Etika Hakim Syarie*
Kod Etika dalam Mahkamah

4. Apabila seseorang Hakim Syarie berada dalam Mahkamah dan mendengar sesuatu kes, dia hendaklah -
 - (a) melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;
 - (b) menjalankan tugas mengikut Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan;
 - (c) tidak mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak tenang seumpama dia berkeadaan marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat.
 - (d) tidak boleh meninggalkan Mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;
 - (e) memberi penghakimannya apabila dia berkeadaan tenang;
 - (f) tidak membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat itu ialah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya sebagai seorang Hakim Syarie;
 - (g) bertindak tegas dan adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
 - (h) bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah-hujah dari pihak-pihak.;
 - (i) memastikan prosiding di Mahkamah dijalankan dengan teratur menurut peraturan Mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan itu dapat berjalan dengan lancar;
 - (j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;
 - (k) memuliakan saksi-saksi;
 - (l) memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam; (m) mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali di dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang;

Pemakaian

2. (1) Kod Etika ini hendaklah terpakai kepada seseorang Hakim Syarie sepanjang tempoh perkhidmatannya.
- (2) Pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika ini boleh menjadi suatu alasan bagi tindakan diambil di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.[P.U.(A)395/93]

Kod Etika Hakim Syarie adalah selari dengan etika yang telah digariskan oleh ulama fekah yang disebut sebagai 'Adab Al-Qadhi'. Tujuan kod etika ini adalah memastikan para hakim syarie menjalankan tugasnya membuat penghakiman dan keputusan dengan adil dan sempurna. Hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dan layanan yang sama rata bagi golongan OKU adalah lebih utama berdasarkan kod

etika ini, meskipun tidak disebut secara jelas atau eksplisit. Nilai-nilai keadilan dibalik kod etika ini seperti (g) bertindak tegas, adil, serta tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang di hadapannya, (h) bersifat terbuka dan sabar mendengar keterangan, (i) memastikan prosiding berjalan dengan teratur, (k) memuliakan saksi dan (l) layanan sama-rata kepada pihak-pihak menunjukkan bahawa hakim syarie dan Mahkamah Syariah mempunyai tanggungjawab dalam memastikan golongan OKU mendapat bantuan komunikasi, prosedur dan proses undang-undang yang lebih mudah dan sesuai dengan kemampuan fizikal mereka, penyelesaian infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain untuk menampung ketidakupayaan mereka semasa perbicaraan.

Kegagalan hakim syarie memberikan layanan dan kemudahan yang sepatutnya kepada golongan OKU sepanjang proses perbicaraan boleh mengakibatkan tindakan diambil berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Maka, jelas di sini bahawa perbicaraan jenayah Syariah membabitkan OKU merupakan satu perkara yang serius dan memerlukan perhatian khusus oleh pelbagai pihak ketika pengendalian kes-kes OKU.

PERBINCANGAN

Hasil analisis peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah menunjukkan terdapat beberapa isu perundangan membabitkan OKU yang wajar diutarakan. Antara isu perundangan yang timbul adalah seperti berikut:

Rujukan Kepada Hukum Syarak Dalam Menyantuni OKU

Meskipun boleh dikatakan bahawa peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia tidak membezakan antara orang sempurna akal dan fizikal dengan golongan OKU, dan tidak ada peraturan khusus bagi mengendalikan kes jenayah Syariah bagi OKU, perkara ini tidaklah bermaksud pihak mahkamah Syariah mempunyai kuasa yang terhad untuk mengambil langkah-langkah untuk memudahkan dan membantu OKU menjalani perbicaraan. Seksyen 230 Akta 560 telah memperuntukkan punca kuasa yang luas bagi mahkamah Syariah iaitu kebolehan membuat rujukan secara langsung daripada hukum syarak sekiranya terdapat perkara-perkara yang berkaitan tidak disebutkan dalam peruntukan undang-undang. Maka, dalam hal menyantuni OKU ketika perbicaraan dan untuk menampung ketidakupayaan mereka, Mahkamah Syariah boleh merujuk kepada hukum syarak, khususnya kandungan kitab-kitab fiqh dan pandangan para fuqaha

yang tidak terkira itu, dan mengambilnya sebagai dalil dan sandaran terhadap sesuatu tindakan. Dengan ini, peruntukan tatacara jenayah Syariah yang bersifat umum tidaklah mengikat kemampuan mahkamah Syariah. Sebaliknya, peruntukan yang bersifat umum itu memberikan kuasa yang lebih luas kepada mahkamah Syariah untuk mengambil apa sahaja tindakan yang dinilai lebih dekat kepada keadilan.

Namun, persoalan yang timbul adalah sejauh mana kuasa yang luas yang dimiliki oleh Mahkamah Syariah ini merupakan perkara yang positif. Hal ini kerana, kuasa yang luas bermaksud setiap Mahkamah Syariah di setiap negeri boleh melaksanakan suatu tatacara yang berbeza-beza dalam pengendalian perbicaraan.

Perbezaan tatacara ini daripada satu sudut menjauhkan lagi Mahkamah Syariah daripada mencapai visi penyeragaman penguatkuasaan undang-undang dan pengamalannya dalam konteks bidangkuasa Mahkamah Syariah yang sedia ada di negara ini. Penyeragaman bukan bermaksud kongkongan terhadap kuasa Mahkamah Syariah sehingga menjadi sempit. Tidak dinafikan bahawa Mahkamah Syariah perlu mempunyai kuasa yang cukup untuk memberi keadilan. Faktor yang mungkin timbul adalah sejauh mana kesedaran pihak Mahkamah terhadap OKU dan pengetahuan untuk menguruskan OKU sejajar dengan ketidakupayaan mereka.

Pengkanunan Undang-undang Syariah dan OKU

Pengkanunan undang-undang Syariah penting dalam penguatkuasaan undang-undang Islam. Antara kepentingan pengkanunan undang-undang Syariah adalah untuk meleraikan perbezaan pandangan yang berlaku dalam kalangan ulama Fekah terhadap sesuatu hukum. Hal ini kerana pandangan yang dipilih untuk dikanunkan itu yang akan menjadi amalan umat Islam. Pengkanunan undang-undang Syariah di Malaysia adalah tugas Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivil, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menggunakan pendekatan Ijtihad dan Taklid (Ruzman Md. Nor, 2019), di samping mengamalkan konsep harmonisasi antara Hukum Syarak dan Sivil (Mohammad Hashim Kamali, 2007).

Perkara ini boleh diteliti akan aplikasinya dalam beberapa peruntukan undang-undang Syariah di Malaysia yang telah disebutkan. Contohnya, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama fekah berkenaan penerimaan kesaksian OKU kategori pertuturan. Jelas bahawa seksyen 84 Akta 561 telah meletakkan hukum untuk menerima keterangan saksi bisu

tetapi dinilai sebagai bayyinah sahaja. Perkara yang menarik di sini adalah terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama fekah tentang penerimaan keterangan saksi bisu yang bertaraf *syahadah*, bukan sahaja *bayyinah* (Asy-Syirbini, 2009; Ibn Qudamah, 1996; Muhammad 'Illish, 1984). Maknanya, ada pandangan yang mengatakan bahawa keterangan saksi bisu boleh diterima pakai sebagai sebagai *syahadah* iaitu keterangan yang lebih tinggi tarafnya berbanding *bayyinah*.

Selain itu, ulama turut membincangkan berkenaan hukum kesaksian OKU penglihatan meskipun aplikasinya pada zaman kini susah untuk berlaku. Walaupun pada zahirnya individu OKU kategori penglihatan tidak melihat, namun ulama fekah membincangkan keadaan-keadaan tertentu yang membolehkan seseorang itu memperoleh pengetahuan dan maklumat tentang sesuatu perkara. Hal ini kerana perolehan maklumat dan pengetahuan tidak terhad dengan cara penglihatan sahaja, malah turut diperolehi melalui pendengaran. Begitu juga penyaksian seseorang yang menyaksikan sesuatu perkara tetapi menjadi OKU kategori penglihatan selepas menyaksikannya atau ketika hendak memberi keterangan di mahkamah. Keempat-empat mazhab berkhilaf mengenai hukum-hakam ini dengan dalil-dalil yang tersendiri (Al-Mirghinani, 2008; Asy-Syirbini, 2009; Ibn Qudamah, 1996; Muhammad'Illish, 1984).

Undang-undang Syariah di Malaysia tidak memperuntukkan apa-apa nas dalam hal kesaksian OKU penglihatan. Jika para hakim menggunakan kuasa ijtihad dan membuat rujukan kepada Hukum Syarak berdasarkan seksyen 230 Akta 560, maka akan timbul persoalan tentang penyeragaman ijtihad terhadap hukum kesaksian OKU penglihatan ini. Hal ini kerana, boleh terjadi situasi di mana sebahagian hakim berijtihad dengan penerimaan kesaksian OKU penglihatan dengan syarat-syaratnya dan sebahagian hakim yang lain berijtihad dengan mengambil hukum yang sebaliknya. Keadaan ini boleh menimbulkan pertikaian terhadap keadilan tindakan hakim kerana amalan penghakiman yang berbeza, meskipun perkara ini tidak terhalang di sisi Syariat Islam.

Keterangan Dan Medium Komunikasi OKU Ketika Perbicaraan

Selain itu, seksyen tersebut tidak mengkhususkan apa-apa bentuk dan cara keterangan yang diberikan melainkan dengan menyebut apa-apa cara yang difahami seperti tulisan dan isyarat. Umumnya, komunikasi OKU pertuturan menggunakan isyarat yang mempunyai jenis-jenisnya. Yang rasmi ialah Bahasa Isyarat Malaysia, manakala yang tidak rasmi ialah isyarat-isyarat

tempatan yang digunakan oleh OKU pertuturan yang tidak mempelajari Bahasa Isyarat Malaysia (Bell, Zubaidah Ibrahim, Ho Koon Wei, & Lucy Lim, 2015). Mungkin daripada satu sudut, pengamal undang-undang boleh menggunakan interpretasi 'apa-apa cara yang difahami termasuk isyarat' bahawa isyarat itu termasuk Bahasa Isyarat yang rasmi iaitu Bahasa Isyarat Malaysia dan juga isyarat-isyarat tempatan. Isyarat-isyarat lain yang bersifat umum dapat difahami oleh masyarakat umum juga diterima di hadapan hakim syarie. Contohnya, anggukan kepala yang membenarkan suatu persoalan yang dilontarkan kepada OKU, atau sebagai pengakuan bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan ke atasnya oleh pihak pendakwa syarie. Situasi pihak OKU di mahkamah menggunakan isyarat-isyarat umum sebegini direkodkan berlaku di Mahkamah Sivil iaitu anggukan kepala OKT (Siraj Mohd Zaini, 2018) yang OKU menandakan beliau mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan ke atasnya setelah mahkamah memberi kefahaman tentang pertuduhan dan kesan-kesan perundangan. Perkara ini turut boleh diterima penggunaannya dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah sebagaimana yang telah diulaskan tadi.

Dalam isu medium perbicaraan, jelas berdasarkan peruntukan seksyen 17 dan 84 Akta 561, dan juga seksyen 115 Akta 560 bahawa penggunaan isyarat diterima dalam perbicaraan kes jenayah Syariah. Akan tetapi, tidak ada peruntukan yang menyatakan tentang penggunaan jurubahasa dan bahasa isyarat secara jelas dan nyata. Malah, perkataan jurubahasa juga tidak terdapat dalam mana-mana peruntukan undang-undang Syariah walaupun daripada segi amalannya diterima dan memang diamalkan di Mahkamah Syariah. Penggunaan jurubahasa diterima di sisi undang-undang dengan kaedah menginterpretasi seksyen 33 Akta 561 berkenaan pendapat pakar, iaitu dengan mengambil kira bahawa pendapat pakar turut merangkumi penggunaan khidmat penterjemah dan jurubahasa isyarat. (Jasni Sulong, 2007). Ada juga pandangan yang mengatakan bahawa yang tertuduh berhak untuk mendapatkan khidmat jurubahasa berdasarkan peruntukan lain seperti seksyen 97(a) Tatacara dalam perbicaraan, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 dan juga seksyen 96(a) Akta/Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri-negeri (Syeikh Ahmad Tarmizi Bin Abd Halim, 2018).

Kemudahan Dan Fasiliti Bagi OKU Ketika Perbicaraan

Di Malaysia, usaha mengintegrasikan keupayaan sumber teknologi dalam sistem perundangan semakin berkembang. Institusi Kehakiman di peringkat persekutuan telah mengadaptasi beberapa reformasi berasaskan teknologi yang umumnya dikenali sebagai 'E-court' yang terdiri daripada mekanisme

berikut (lihat Zuhairah Ariff Abd Ghadas & Rabiatul Adawiyah Mohd Ariffin, 2019; Kamal Halili Hassan & Maizatul Farisah Mohd Mokhtar, 2011):

1. Video Conferencing System (VCS)
2. Case Management System
3. Community and Advocate Portal System (CAP)
4. Court Recording and Transcription System (CRT)
5. E-filing
6. Queue Management System (QMS)
7. E-Jurubahasa

Institusi Kehakiman Syariah juga sudah mula memanfaatkan sumber teknologi dengan pengenalan sistem E-Shariah (Zuhairah Ariff Abd Ghadas & Rabiatul Adawiyah Mohd Ariffin, 2019; Wan Satirah Mohd Saman & Abrar Haider, 2013). Pelaksanaan sistem E-Shariah ini telah mewujudkan sebuah rangkaian elektronik yang menghubungkan semua Mahkamah Syariah negeri-negeri dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) serta agensi-agensi lain yang berkaitan bagi tujuan koordinasi dan perkongsian maklumat. Sistem E-Shariah terdiri daripada modul yang berikut:

1. Portal E-Shariah
2. Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS)
3. Sistem Pengurusan Peguam Syarie
4. Sistem Pengurusan Perpustakaan

Dalam konteks OKU, terdapat sebuah mekanisme bantuan khas atau apa yang disebut sebagai 'Special Measures Application' kepada mangsa dan saksi yang terancam iaitu 'vulnerable and intimidated victim/witness' (Abidah Abdul Ghafar, 2014). OKU juga termasuk dalam golongan mangsa dan saksi terancam kerana ketidakupayaan yang dimiliki boleh menggugatkan prestasi mereka di mahkamah. Mereka berhak mendapatkan bantuan khas. Contohnya di Mahkamah Sivil, memberi keterangan dengan menggunakan rangkaian secara langsung dan video seperti yang termaktub dalam seksyen 272B Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2006 sebagai bantuan dan menjaga hak mereka untuk menjalani perbicaraan dengan mudah. Dalam pada itu, pihak mahkamah boleh menyediakan pengantara bagi golongan OKU untuk menolong mereka memberi keterangan di mahkamah (Abidah Abdul Ghafar, 2014). Perkembangan terkini ialah Mahkamah Syariah sudah berupaya menjalankan perbicaraan atas talian berikutan penularan pandemik Covid-19 (lihat Garis Panduan Operasi Jabatan Kehakiman Syariah Sepanjang Tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan Pemulihan, 2020). Perbicaraan atas talian boleh diaplikasikan bagi OKU sekiranya pihak mahkamah memandang ada keperluan sebagai kemudahan bagi mereka.

KESIMPULAN

Artikel bertujuan untuk menganalisis peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia melibatkan perbicaraan OKU di Mahkamah Syariah serta mengenal pasti isu-isu perundangan yang timbul hasil analisis peruntukan undang-undang. Huraian yang telah dibincangkan diharapkan dapat memberi gambaran umum terhadap cara pengendalian perbicaraan yang melibatkan OKU. Satu perkara penting yang perlu diingatkan adalah setiap isu yang telah diketengahkan merupakan sebahagian usaha untuk memahami situasi perundangan Syariah sedia ada dan bagaimana sistem perundangan Syariah ini berinteraksi dengan golongan OKU. Hasil analisis yang telah dipersembahkan dalam artikel ini berkenaan peruntukan undang-undang yang dirujuk semasa pengendalian perbicaraan perlu dibaca selari dengan perkembangan keadaan OKU dalam konteks perundangan di Malaysia. Sebarang cadangan penambahbaikan mestilah ditimbang dengan realiti semasa dan keperluan golongan OKU, serta kemampuan institusi Mahkamah Syariah.

RUJUKAN

- Abidah Abdul Ghafar. (2014). Special Measures' Applications for Victims and Vulnerable and Intimidated Witnesses in Malaysia: New Frontiers to Right to a Fair Trial? *UUM Journal of Legal Studies*, 5, 93–117.
- Ahmad Hidayat Buang. (2007). Prosedur Mal Di Mahkamah Syariah. In Ahmad Hidayat Buang (Ed.), *Undang-undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan* (pp. 145–171). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Mirghinani, B. A. A.-H. B. A. B. (2008). *Al-Hidayah Syarah Bidayah Al-Mubtadi*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Asy-Syirbini, M. B. M. A.-K. (2009). *Mughni Al-Muhtaj 'Ila Ma'rifah Alfaaz Al-Minhaj*. Damsyik: Dar Al-Faiha'.
- Az-Zuhaili, M. (2015). *Ijra'at Al-Jina'iyah As-Syari'iyah: Dirasah Muqaranah Ma'a Al-Anzhimah Wa Al-Qawaniin Al-Mu'asirah*. Dimashq: Dar Al-Fikr.
- Azman Ab Rahman. (2017). *Fiqh Muamalat Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.

- Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Mohammad Naqib Hamdan. (2015). *Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Bell, R. T., Zubaidah Ibrahim, Ho Koon Wei, & Lucy Lim. (2015). Malaysian Sign Language (BIM). In J. B. Jepsen, G. De Clerk, S. Lutalo-Kiingi, & W. B. McGregor (Eds.), *Sign Languages of the World: A Comparative Handbook* (pp. 583–606). <https://doi.org/10.1515/9781614518174-030>
- Ibn Qudamah, A. B. A. (1996). *Al-Mughni*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). *Laporan Statistik 2017 Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Putrajaya.
- Jasni Sulong. (2007). Penggunaan Bahasa Isyarat Dalam Perundangan Islam. *Islamiyyat*, 29(0), 149–165.
- Kamal Halili Hassan, & Maizatul Farisah Mohd Mokhtar. (2011). Sistem E-Mahkamah di Malaysia. *Malayan Law Journal*, 6, 1–15.
- Mohamad Fazrul Abdul Majid. (2019, December 9). Mahkamah Syariah Melaka Jadi Yang Pertama Perkenal Pendengaran Dalam Bahasa Isyarat. *MelakaKini.My*. Retrieved from <https://melakakini.my/mahkamah-syariah-melaka-jadi-yang-pertama-perkenal-pendengaran-dalam-bahasa-isyarat/>
- Mohammad Hashim Kamali. (2007). Shari'ah And Civil Law: Towards A Methodology Of Harmonization. *Islamic Law and Society*, 14(3), 391–420. <https://doi.org/10.1163/156851907782792508>
- Muhammad 'Illish. (1984). *Syarah Manh Al-Jalil 'Ala Mukhtasar Syeikh Khalil*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Nuraisyah Chua Abdullah. (2018). *Legal Research Methodology*. Subang Jaya: Thomson Reuters Asia Sdn Bhd.
- Ruzman Md. Nor. (2019). Metodologi Pendekatan Penggubalan Undang-undang Islam Di Malaysia. In Muhammad Roflee Waehama, Niloh Wae-U-Seng, Muhammad Afeefee Assalihee, Ibrahim Narongraksakhet, & Abdulhakam Hengpiya (Eds.), *International Conference on Islam in Malay World IX* (pp.55–89). Krabi: Prince of Songkla University.
- Sayed Sikandar Shah Haneef, Mohd Abbad Abdul Razak, & Hayatullah Laluddin. (2019). Shariah Criminal Mode of Adjudication: Distinctive Features vis-à-vis Modern Systems. *Journal of Education and Social Sciences*, 13(1), 129–137.
- Shamrahayu A Aziz. (2011). *Criminal Procedure In The Syariah Courts*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
- Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman. (2004). Amalan-amalan Pentadbiran Di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, 20(2), 164–187.
- Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman. (2005). Proses Penghakiman Dan Menjatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Hukum*, 19(2), 189–216.
- Siraj Mohd Zaini. (2018). OKU dituduh bunuh empat sekeluarga. *Harian Metro*.

- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syeikh Ahmad Tarmizi Bin Abd Halim. (2018). *Ibnu Najah Mengupas Tatacara Jenayah Di Mahkamah Syariah Ulasan Dan Perbandingan*. Alor Setar: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Wan Satirah Mohd Saman, & Abrar Haider. (2013). E-Shariah: Information and Communication Technologies for Shariah Court Management. *Legal Information Management*, 13(2), 94–106. <https://doi.org/10.1017/s1472669613000248>
- Zuhairah Ariff Abd Ghadas, & Rabiatul Adawiyah Mohd Ariffin. (2019). E-Court System in the Civil and Shariah Courts : Malaysia. In Syahrul Fahmy, Syed Hadzrullah Syed Omar, Nabihah Abdullah, & Rabiatul Manisah Mohamed (Eds.), *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 530–549). Kuala Terengganu.
- Arahan Amalan No.1 Tahun 2001 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561)
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)
- Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Garis Panduan Operasi Jabatan Kehakiman Syariah Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan 2020
- Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2006 Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Muhd Haslam bin Abdullah v Public Prosecutor [2019] MLJU 1319 Public Prosecutor V Misbah Bin Saat, [1997] 3 MLJ 495